



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWK pada 4 Disember 2024.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p>SEMUA PIHAK PERLU TINGKATKAN PELUANG KERJAYA OKU</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/12/03/semua-pihak-perlu-tingkatkan-peluang-kerjaya-oku/</p> <p>https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2370744</p> <p>https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2370744</p> <p>https://www.threads.net/@malaysiagazette/post/DDHbpTuOE9r/kpwkm-seru-kerjasama-semua-pihak-tingkatkan-peluang-kerjaya-okumalaysiagazetteht</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/abim-saran-orang-ramai-supaya-lebih-cakna-empati-terhadap-oku-499190</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Bernamea</p> <p>Bernamea TV</p> <p>Threads Malaysia Gazette</p> <p>Astro Awani</p>	Positif
2.	<p>PENDAFTARAN KANAK-KANAK OKU PEMBELAJARAN MELONJAK</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/12/03/pendaftaran-kanak-kanak-oku-pembelajaran-melonjak/</p> <p>https://www.facebook.com/MalaysiaGazette/posts/pfbid02eAJ58Vmr5zmF4aGMnjegadkcanV7ZYeVAAi9MAsZzyRsNjXxVRSgkUmza6j7RvMNI/</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>FB Malaysia Gazette</p>	Positif

	https://www.buletintv3.my/nasional/pendaftaran-oku-pembelajaran-meningkat/#google_vignette https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hampir-300000-berdaftar-sebagai-oku-pembelajaran-nancy-499165 https://www.sinarharian.com.my/article/700270/berita/nasional/hampir-300000-berdaftar-sebagai-oku-pembelajaran---nancy	<p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p>	
3.	<p>HARI OKU SEDUNIA 2024: MENYEMAI KEPIMPINAN, MENGGAPAI INKLUSIVITI MAMPAN</p> <p>https://bebasnews.my/2024/12/03/hari-oku-sedunia-2024-menyemai-kepimpinan-menggapai-inklusiviti-mampan/ https://suarasarawak.my/rakyat-malaysia-perlu-lebih-cakna-empati-dengan-hak-dan-sumbangan-golongan-oku/</p>	<p>Bebas News</p> <p>Suara Sarawak</p>	Positif
4.	<p>MEMPERKASA KEPIMPINAN OKU DEMI INKLUSIVITI MAMPAN</p> <p>https://ikram.org.my/memperkasa-kepimpinan-oku-demi-inklusiviti-mampan/</p>	Ikram News	Positif
	<p>KERAJAAN DIGESA PERCEPAT PELANTIKAN PESURUHJAYA OKU</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/kerajaan-diges-a-percepat-pelantikan-pesuruhjaya-oku/#google_vignette https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/12/13/31983/suhakam-minta-lantik-segera-pesuruhjaya-oku</p>	<p>Utusan Malaysia</p> <p>Berita Harian</p>	Positif
5.	<p>JUMLAH MANGSA BANJIR DI SELURUH NEGARA BERKURANGAN KEPADA 66,215 ORANG</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/jumlah-mangsa-banjir-di-seluruh-negara-berkurangan-kepada-66215-orang/ https://www.hmetro.com.my/utama/2024/12/1162346/banjir-66033-mangsa-masih-di-227-pps</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral

	<p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/12/banjir-di-kelantan-makin-pulih-mangsa-terus-menurun/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/700295/berita/nasional/jumlah-mangsa-banjir-di-seluruh-negara-berkurangan-kepada-59-815-orang</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/12/04/jumlah-mangsa-banjir-7-negeri-catat-penurunan/</p>	<p>Utusan Malaysia</p> <p>Sinar Harian</p> <p>FMT</p>	
6.	<p>Pilu lihat jenazah warga emas atas katil dalam banjir</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/12/03/pilu-lihat-jenazah-warga-emas-atas-katil-dalam-banjir/</p> <p>https://www.instagram.com/kosmo_online/p/DDGpZdXyyfm/</p> <p>https://www.threads.net/@kosmo_online/post/DDGpaHfSJSF</p>	<p>Kosmo</p> <p>IG KOsmo</p> <p>Threads Kosmo</p>	Neutral
7.	<p>Kanak-kanak perempuan melecur, lebam disyaki didera ibu kandung</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/700279/berita/semasa/kanak-kanak-perempuan-melecur-lebam-disyaki-didera-ibu-kandung</p> <p>https://seeni.my/article/kanak-kanak-perempuan-melecur-lebam-disyaki-didera-ibu-kandung-sinar-harian-700279</p> <p>https://x.com/SinarOnline/status/1863949504770453645</p> <p>https://www.threads.net/@malaysiagazette/post/DDHITwPMTJI</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/12/03/budak-10-tahun-melecur-lebam-disyaki-didera-ibu-kandung/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/12/03/disyaki-simbah-air-panas-pada-anak-wanita-ditahan/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Seeni</p> <p>Twitter Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>FMT</p>	Neutral

	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1162280/simbah-anak-kandung-dengan-air-panas-suri-rumah-ditahan	Harian Metro	
8.	<p>BOMOH CABUL REMAJA DIPENJARA 50 TAHUN, 13 SEBATAN</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/700162/berita/semasa/bomoh-cabul-remaja-dipenjara-50-tahun-16-sebatan</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1162183/bomoh-dipenjara-15-tahun-13-sebatan-laku-amang-seksual-fizikal-terhadap</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/12/03/bomoh-dipenjara-50-tahun-mengaku-salah-4-kali-cabul-remaja/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/12/03/bomoh-dijel-50-tahun-13-sebatan-cabul-pesakit-remaja/</p> <p>https://www.therakyatpost.com/trpbm/berita/2024/12/03/bomoh-cabul-remaja-4-kali-konon-hilangkan-pendamping-dipenjara-50-tahun/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Maysia Gazette</p> <p>Kosmo</p> <p>The Rakyat Post</p>	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

SEMUA PIHAK PERLU TINGKATKAN PELUANG KERJAYA OKU



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri merasmikan Majlis Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Kebangsaan 2024 di Grand Ballroom, Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur. Foto AIZAT

KUALA LUMPUR – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menekankan kepentingan menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) sebagai usaha untuk menyokong kelangsungan hidup mereka.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, peratus golongan OKU yang diterima bekerja terutama dalam perkhidmatan awam masih lagi tidak mencapai tahap yang memuaskan.

“Kita ada peratusan dia, sekurang-kurangnya satu peratus untuk diambil kerja dalam perkhidmatan awam tapi sekarang masih belum mencapai.

“Mungkin kerana ada di kawasan dan bangunan-bangunan yang tidak menepati keperluan OKU jadi mungkin sebab itu mereka tidak diambil.

“Selain daripada itu juga, ini merupakan tanggungjawab kita bersama, masyarakat keseluruhan untuk membuka minda dan juga memberi kesedaran kepada semua tentang perlu ada kesedaran tentang pekerjaan OKU,”.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Kebangsaan 2024 di sini, hari ini.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru golongan OKU yang belum mendaftar agar segera melakukannya kerana kelebihan pendaftaran itu membolehkan komuniti berkenaan menikmati kemudahan dan keistimewaan disediakan oleh kerajaan dan swasta.

“Saya pernah pergi ke satu program di mana ramai antara mereka belum mendaftar tapi mereka tak memerlukan bantuan.

PENDAFTARAN KANAK-KANAK OKU PEMBELAJARAN MELONJAK

KUALA LUMPUR – Jumlah pendaftaran kanak-kanak Orang Kurang Upaya (OKU) kategori pembelajaran mencatatkan peningkatan ketara tahun ini, dengan tambahan sebanyak 26,878 pendaftaran baharu dari Januari hingga Oktober.

Sehingga 31 Oktober 2024, seramai 289,161 individu OKU pembelajaran telah berdaftar, berbanding keseluruhan jumlah pada tahun 2023 iaitu 262,283 orang. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata perkara itu memberikan petanda baik kerana mencerminkan tahap kesedaran yang semakin tinggi dalam kalangan ibu bapa.

“Secara positifnya, lebih ramai ibu bapa ada kesedaran untuk mendaftarkan anak sebagai OKU pembelajaran dan ini akan membantu menghapuskan stigma berkaitan anak OKU.

“Namun ia juga bermakna kerajaan perlu memastikan satu modul garis panduan yang ampuh dibangunkan untuk melindungi, menyantuni dan memperkasakan golongan ini.”

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan 2024, di sini, hari ini.

MEMPERKASA KEPIMPINAN OKU DEMI INKLUSIVITI MAMPAN



Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) mengucapkan Selamat Menyambut Hari OKU Antarabangsa 2024 dengan tema, “**Memperkasa Kepimpinan OKU Demi Inklusiviti Mampan**”.

Hari peringatan ini, pada 3 Disember setiap tahun, telah diisytiharkan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1992 melalui Resolusi 47/3.

Tema ini mencerminkan komitmen semua pihak untuk memperkasakan golongan orang kurang upaya (OKU) dalam pembangunan sesebuah negara.

Kepemimpinan OKU bukan hanya satu keperluan, tetapi juga satu langkah penting ke arah masyarakat yang lebih inklusif, dengan setiap individu tanpa mengira latar belakang atau kemampuan, mempunyai peluang yang sama untuk menyumbang kepada kemajuan negara.

Pertubuhan IKRAM Malaysia percaya bahawa untuk membina sebuah masa depan yang mampan, kita perlu melibatkan semua lapisan masyarakat, termasuk OKU.

Kita perlu memberi tumpuan kepada pemberdayaan dan kepemimpinan OKU dalam sektor-sektor penting seperti pendidikan, pekerjaan dan sukan. Setiap individu OKU mempunyai potensi tersendiri, dan mereka harus diberi ruang untuk berkembang dan menyumbang melalui kemahiran serta pengalaman yang dimiliki.

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, Pertubuhan IKRAM Malaysia akan mengadakan Sambutan Bulan OKU Kebangsaan 2024 dalam bulan Disember ini, dengan pelancarannya pada 7 Disember 2024 di Hotel Alamis City Kuala Lumpur.

Antara program yang dirancang bagi majlis pelancaran tersebut ialah sesi bual bicara yang melibatkan tokoh-tokoh OKU, iaitu Prof. Dr. Ruzita Mohd Amin daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Puan Hamidah Hassan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan En. Mohd Faiz Shuhaimi, Presiden Majlis Belia OKU Malaysia, serta Puan Salwa Mohd Soleh, seorang pempengaruh media sosial sebagai moderator.

Program ini, yang dianjurkan bersama dengan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM), akan turut memperkenalkan Projek DREAMS bagi membantu penjaga kepada anak-anak OKU untuk menelusuri perjalanan ke arah penjagaan yang lebih optimum, dan Sesi Dialog & Silang Idea Pertubuhan OKU.

JUMLAH MANGSA BANJIR DI SELURUH NEGARA BERKURANGAN KEPADA 66,215 ORANG

KUALA LUMPUR: Jumlah mangsa di beberapa negeri yang dilanda banjir terus menurun kepada 66,215 orang setakat 11.30 malam ini berbanding 72,620 orang pada petang tadi.

Di KELANTAN, jumlah mangsa banjir di enam jajahan terus mencatatkan penurunan kepada 43,753 orang di 96 pusat pemindahan sementara (PPS) membabitkan 14,003 keluarga pada malam ini.

Situasi banjir di TERENGGANU juga semakin baik apabila jumlah mangsa di tujuh daerah menurun kepada 14,557 orang di 63 PPS.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Terengganu (JPBNT) memaklumkan daerah Kuala Nerus mencatat jumlah mangsa paling tinggi, iaitu sebanyak 5,760 orang, manakala di daerah Dungun mencatatkan 4,757 mangsa yang masih berada di 20 PPS. Diikuti di daerah Kuala Terengganu pula 3,213 mangsa, Hulu Terengganu (480), Marang (186), Setiu (168) dan Kemaman (2).

Di PAHANG, semakan menerusi aplikasi InfoBencana JKM mendapati sebanyak 50 mangsa membabitkan 10 keluarga di daerah Temerloh dan Bera ditempatkan di empat PPS setakat 11.30 malam ini.

Di PERAK, jumlah mangsa banjir adalah 442 orang, di KEDAH 6,159 mangsa masih berlindung di 32 PPS yang dibuka di empat daerah.

PILU LIHAT JENAZAH WARGA EMAS ATAS KATIL DALAM BANJIR



Anggota bomba membantu memindahkan jenazah warga emas ke rumah jiran di Kampung Kota Kubang Teduh, Alor Setar malam tadi.

ALOR SETAR – Sepasukan anggota bomba melaksanakan khidmat membawa petugas Kementerian Kesihatan (KKM) untuk mengesahkan kematian warga emas di Kampung Kota Kubang Teduh, di sini malam tadi.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Alor Setar, Ahmad Naufal Abdullah berkata, pihaknya menerima panggilan pada pukul 8.14 malam.

Katanya, pihak KKM memohon bantuan pihak bomba memandangkan rumah si mati yang merupakan orang kelainan upaya (OKU) berusia 61 tahun ditenggelami air sedalam satu meter.

“Bukan sahaja rumahnya dinaiki air, malah laluan ke sana turut ditenggelami banjir menyebabkan ambulans tidak dapat masuk. Justeru pihak kami diketuai Pegawai Bomba Kanan 1, Ahmad Nozlan Zakaria membawa petugas KKM menaiki kenderaan pacuan empat roda dari Balai Bomba Alor Setar menuju ke lokasi,” katanya hari ini.

Anggota bomba membantu memindahkan jenazah warga emas ke rumah jiran di Kampung Kota Kubang Teduh, Alor Setar malam tadi.

Menurut beliau, berikutan paras air tinggi ditambah pula keadaan gelap dan laluan sempit, pihaknya bersama petugas KKM hanya tiba di lokasi yang terletak 18 kilometer dari BBP Alor Setar kira-kira setengah jam kemudian

“Setibanya di lokasi, keadaannya cukup memilukan dengan air banjir hampir sama paras dengan katil yang menempatkan jasad arwah. Petugas KKM mengesahkan warga emas itu sudah meninggal dunia,” ujarnya.

Tambahnya, difahamkan warga emas itu tinggal bersama ibunya yang uzur berusia dalam lingkungan 80-an di rumah tersebut. – KOSMO! ONLINE

KANAK-KANAK PEREMPUAN MELECUR, LEBAM DISYAKI DIDERA IBU KANDUNG

KLUANG - Polis menahan seorang wanita bagi membantu siasatan kes penderaan anak perempuannya yang berusia 10 tahun di Kampung Tengah di sini, pada Isnin.

Ketua Polis Daerah Kluang, Asisten Komisioner Bahrin Mohd Noh berkata, penahanan suri rumah berusia 32 tahun pada jam 12.15 tengah hari itu susulan laporan dibuat guru besar sekolah mangsa. "Guru besar terbabit dimaklumkan mangsa telah di simbah air panas sehingga mendatangkan kesan melecur yang teruk di bahagian belakang badan.

"Pemeriksaan lanjut pada tubuh badan mangsa mendapati ada satu kesan lebam di kaki kanan, kesan lecuran di kaki kiri dan kesan di tumbuk di pipi kiri sehingga lebam," katanya dalam kenyataan pada malam Selasa.